

DBKL pantau pemberian lesen bazar Ramadan

Putrajaya: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneliti pemberian lesen bazar Ramadan di ibu negara tahun ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, proses kini dilaksanakan DBKL bagi memastikan peniaga layak dan ingin berniaga mendapat lesen beroperasi di bazar berkenaan.

“Yang keduanya (kita teliti) penyelenggaraan bazar Ramadan...saya yakin ini (aspek pemberian lesen dan penyelenggaraan bazar) akan berjaya,” katanya kepada selepas program car free day (CFD) di sini, semalam.

Ditanya adakah terdapat isu tertentu dibangkitkan persatuan penjaja berhu-

bung tapak bazar Ramadan, beliau berkata, pihaknya tidak mendapat sebarang aduan daripada pihak berkenaan.

“Setakat ini tak ada (isu), saya nampak mereka ada juga bertemu dengan contohnya Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif untuk membincangkan tentang beberapa perkara,” katanya.

Sebelum ini, Dr Zaliha berkata DBKL akan menguruskan sepenuhnya hal berkaitan permohonan lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu negara bermula tahun ini bagi memastikan penjaja mendapat harga sewaan tapak berpatutan selain pengu- rusan lebih baik.